



Untuk Terbitan Media

24 April 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **3,000 PELUANG PEKERJAAN UNTUK DIISI**

### **ALERT: MYFUTUREJOBS GREEN JOB FAIR 2024 PERKASA SEKTOR PEKERJAAN HIJAU**

**KUALA LUMPUR** : Sebanyak 3,000 peluang pekerjaan sektor pekerjaan hijau ditawarkan menerusi MYFutureJobs *Green Job Fair* 2024 selama tiga hari bermula 25 hingga 27 April 2024 di Pusat Membeli Belah Avenue K, Kuala Lumpur.

Karnival kerjaya ini dilaksanakan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) bersempena *Asean Green Job Forum* (AGJF) yang menumpukan kepada peluang kerjaya dalam sektor pekerjaan hijau di negara ini.

Dianggarkan 50 majikan menyertai karnival ini termasuk **AEON Co. (M) Berhad, RHB Bank Berhad, Rapsol Technology Sdn Bhd, LBS Bina Holdings Sdn Bhd, IHH Healthcare Malaysia (Pantai Medical Centre Sdn Bhd)** serta banyak syarikat lagi merentasi pelbagai sektor dan industri dengan tawaran gaji mencecah sehingga RM9,000.

Selain menjadi platform untuk mendapatkan pekerjaan impian, karnival kerjaya ini turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kerjaya untuk meningkatkan peluang kejayaan dalam temuduga.

Pengunjung juga berpeluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

**MYFutureJobs Green Job Fair 2024** yang akan disempurnakan **Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Steven Sim Chee Keong** menjadi platform pendedahan pekerjaan hijau serta peluang kepada ramai untuk memahami dengan lebih jelas konsep serta jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan hijau.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut tentang karnival kerjaya yang akan berlangsung, layari [www.myfuturejobs.gov.my/careerfair](http://www.myfuturejobs.gov.my/careerfair) dan untuk senarai jawatan kosong terkini, lawati portal MYFutureJobs di [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)

Tamat

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**24 April 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Mohd Wazid Zaidon**  
**+6017-619 3181**  
[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)